

# Sambung semula perkhidmatan Naib Canselor UMS

Oleh ABD NADDIN  
HJ SHAIDDIN

UB 29.6.2019 A6  
KOTA KINABALU: Tempoh perkhidmatan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang sepatutnya tamat dalam masa setahun lagi tetapi dipendekkan setakat 28 Julai 2019 perlu disambung semula.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (UMS), Mohd Jivean Johan Wira berkata pihaknya kecewa dengan perkembangan itu dan merasa terpenggil untuk memberikan pandangan mewakili seluruh pelajar Universiti Malaysia Sabah.

“Timbul rasa kekecewaan kami sebagai pelajar apabila mengetahui hal ini berlaku dan kenapa tempoh perkhidmatan beliau dipendekkan lebih awal dari tarikh sebenar beliau akan tamat.

“Pemendekan tempoh perkhidmatan ini tentunya boleh mengundang berbagai persepsi negatif yang tidak berasas terhadap beliau dan boleh merosakkan nama baik dan kerjaya beliau,” katanya.

Menurutnya, ada sumber mengatakan bahawa pemendekan tempoh perkhidmatan beliau disebabkan beliau tidak menunjukkan prestasi baik dalam menjalankan tugas sebagai Naib Canselor.

Katanya, perkara itu tidak benar kerana Prof Datuk D Kamarudin berjaya meletakkan



**MOHD JIVEAN**

UMS sebagai salah satu daripada 1,000 universiti terbaik di seluruh dunia.

“Dalam sejarah UMS selama 25 tahun, Prof Datuk D Kamaruddin D Mudin, Naib Canselor UMS bersama seluruh warga UMS berusaha dalam memecah rekod apabila UMS diiktiraf oleh QS World Universiti Rankings 2020 sebagai salah satu dari 1000 Universiti teratas di dunia.

“Begitu juga dalam menekankan hal penyelidikan, penerbitan dan yang paling penting dalam mengambil berat soal kebajikan pelajar yang sehingga kini kami sebagai warga pelajar tidak pernah merasa kekurangan dalam soal kebajikan.

“Terlalu banyak sumbangan beliau telah berikan selama beliau menjadi Naib Canselor,” kata Mohd Jivean.